

**TAMBAHAN SYARAT KELAYAKAN PENGECUALIAN CUKAI BAGI
PENDAPATAN DIVIDEN LUAR NEGARA YANG DITERIMA DI MALAYSIA
MULAI 1 JANUARI 2022 HINGGA 31 DISEMBER 2026**

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa terdapat tambahan syarat kelayakan pengecualian cukai bagi pembayar cukai yang layak dan mempunyai pendapatan dividen luar negara yang diterima di Malaysia mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026 iaitu pendapatan dividen luar negara tersebut hendaklah **mematuhi syarat-syarat substantif ekonomi**.
2. Hal ini bagi memenuhi piawaian terkini pencukaian antarabangsa yang menetapkan sedemikian dan bermakna pembayar cukai perlu mematuhi syarat tambahan dengan membuktikan wujudnya hubungan yang jelas antara pendapatan dividen luar negara yang diterima dengan aktiviti sebenar di Malaysia.

3. Tambahan syarat yang ditetapkan ini juga menggambarkan komitmen Malaysia dalam mematuhi piawaian pencukaaian antarabangsa bagi mengelakkan pelarian cukai serta *double non-taxation* selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh *European Union*.
4. Sehubungan itu, pendapatan dividen luar negara yang diterima di Malaysia yang dikecualikan cukai mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026 adalah seperti yang berikut:

| Kategori Pembayar Cukai | Syarat Kelayakan |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat • Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) • Ahli kongsi Individu berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia | (i) Dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal; (ii) Kadar cukai tertinggi (<i>headline tax</i>) di negara asal sekurang-kurangnya 15%; dan (iii) Mematuhi syarat-syarat substantif ekonomi. |

5. Tambahan syarat kelayakan iaitu syarat substantif ekonomi adalah seperti yang berikut:
- i. Syarikat pemastautin, PLT pemastautin atau individu pemastautin berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia dianggap mempunyai substantif ekonomi sekiranya ia:

- a. Menggaji bilangan pekerja yang mencukupi dengan kelayakan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia; dan
 - b. Melakukan perbelanjaan operasi yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia.
6. Selaras dengan tambahan syarat ini, pindaan kepada Garis Panduan Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara telah dimuat naik ke Portal Rasmi HASiL pada 29 Disember 2022 dan Garis Panduan bertarikh 29 September 2022 adalah dibatalkan. Berikut adalah pautan capaian pantas garis panduan yang terkini tersebut untuk rujukan pembayar cukai.

Versi Bahasa Melayu: <https://www.hasil.gov.my/media/gggaite3/20221229-garis-panduan-layanan-cukai-berhubung-pendapatan-yang-diterima-dari-luar-negara-pindaan.pdf>

Versi Bahasa Inggeris: <https://www.hasil.gov.my/media/p0Intthw/20221229-guidelines-tax-treatment-in-relation-to-income-received-from-abroad-amendment.pdf>

7. Oleh yang demikian, bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang dikemukakan sebelum atau pada 29 Disember 2022, pembayar cukai perlu mengemukakan pindaan BNCP sekiranya tambahan syarat kelayakan substantif ekonomi tidak dipatuhi dan tiada penalti akan dikenakan.

8. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada HASiL melalui:

- a. Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b. HASiL Live Chat; dan
- c. Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 Disember 2022